



21 Jun 2012

## **Penduduk bimbang ancaman penagih**

**WARTAWAN SINAR HARIAN**

21 Jun 2012

IPOH - Hampir 400 penduduk Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) Batu 10 Ulu Chepor, di sini mendakwa kawasan kediaman sering dimasuki pencuri tanpa mengira siang atau malam.

Seorang penduduk, Saparan Mohd Bakari, 60, berkata, kelmarin rumah jirannya dimasuki pencuri dipercayai sekitar tengah hari dan petang sewaktu keluarga tersebut keluar ke rumah saudara.

Menurutnya, kejadian itu adalah yang kedua menimpa jirannya dan sebelum ini keluarga tersebut pernah mengalami kerugian akibat kehilangan barangan berharga.

“Bagaimanapun, kali ini, jiran saya mengambil langkah berjaga-jaga memandangkan tiada barangan yang hilang cuma keadaan rumah berselerak digeledah pencuri tersebut,” katanya.

Saparan berkata, rumahnya juga pernah menjadi sasaran pencuri tahun lalu dan turut mengalami kerugian.

“Sebelum ini, Rukun Tetangga di kawasan kami sering mengadakan rondaan pada waktu malam ketika kejadian curi sering berlaku.

“Namun, apabila kejadian itu mula berkurangan kami hanya mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan perkara tersebut daripada berulang,” katanya.

Sementara itu, Ketua Balai Polis Kuala Kuang, Sarjan Mejar K Gunasegar, mengesahkan menerima laporan polis berhubung kejadian tersebut.

Katanya, siasatan awal mendapati kejadian curi itu dipercayai dilakukan penagih dadah yang ingin mendapat wang dengan cara mudah untuk membeli bekalan dadah.

“Lazimnya, pencuri terbabit hanya mengambil wang dan barang kemas kerana ia adalah benda kecil serta mudah dilarikan,” katanya.